

15/09/2003

Wawasan Dr Mahathir majukan peneroka

DARIPADA penduduk miskin yang tidak memiliki hartanah kepada peneroka ladang kelapa sawit, 144,336 warga Felde kini akan memasuki alam baru apabila Felde Holdings disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL), menjelang akhir tahun ini. Memang benar sebelum ini ada segelintir daripada peneroka sudah menjadi jutawan segera berikutan penjualan tapak mereka menjadi estet perumahan swasta, namun tidak kurang juga yang kehilangan hartanah dan tidak menggenggam wang panas dijanjikan apabila segala disetujui tidak menjadi akibat kegawatan ekonomi. Namun kini kerajaan mengambil inisiatif menyenaraikan syarikat itu dengan jangkaan awal peneroka bakal menerima durian runtuh berbentuk saham bernilai RM1 bilion atau sekurang-kurangnya RM6,000 setiap seorang.

Peneroka yang memang selama ini berhempas pulas mengerjakan ladang mereka dengan pelbagai cabaran dan terakhir dilanda bermacam-macam bentuk masalah sosial termasuk berkaitan generasi muda yang enggan kekal di estet sawit sepatutnya menyambut perubahan itu dengan tabah dan tidak membuat keputusan yang tidak wajar. Bagi memastikan peneroka kekal menikmati segala faedah hasil penyenaian dan sebarang kenaikan harga saham mereka di BSKL, kerajaan akan merumuskan mekanisme agar peneroka terus memegang saham mereka.

Hasil daripada pengapungan itu juga, Felde dijangka meluaskan kegiatannya yang kini hanya terhad kepada pemeroses dan pemasaran minyak sawit mentah. Kerajaan merancang meningkatkan penyelidikan dan mengeluarkan barangan berkaitan minyak sawit untuk dipasarkan di seluruh dunia. Dalam hal ini anak peneroka tidak dilupakan iaitu mereka digalakkan menceburi aktiviti industri hiliran. Dengan tidak kurang anak peneroka yang lulus universiti diharapkan peluang ini tidak dilepaskan kerana ia lebih menguntungkan daripada hanya mengharapkan pekerjaan lain atau akhirnya meninggalkan tanah rancangan. Penyenaian juga akan membolehkan kerajaan memperoleh hasil bagi melaksanakan pelbagai projek lain.

Apa yang dilakukan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad jelas menunjukkan keprihatinan beliau terhadap masa depan peneroka. Ia juga mengambil kesempatan daripada kedudukan Felde dengan 447,246 hektar ladang sawit iaitu terbesar di dunia. Apa yang dirancang untuk peneroka itu juga adalah bukti jelas wawasan Dr Mahathir yang mahu masyarakat Felde keluar terus dari kepompong estet mereka, lantas menerokai dunia urus niaga saham, pemilikan ekuiti dan berusaha lebih gigih sesuai dengan tuntutan masa. Bajet tahun depan yang dibentangkan di Parlimen Jumaat lalu jelas memberi banyak manfaat kepada peneroka Felde selain golongan lain yang terus diberi perhatian sewajarnya.